

TERMA DAN SYARAT BONUS DEPOSIT FBS

1. Pendahuluan

Terma dan Syarat ini ("**Terma & Syarat**") mengawal penyertaan dalam program **Bonus Deposit FBS** ("**Program Bonus**") yang ditawarkan oleh FBS Markets Inc. ("**FBS**," "**Syarikat**," atau "**Penganjur**").

Bonus Deposit FBS adalah tawaran promosi yang menyediakan dana kredit yang tidak boleh dikeluarkan kepada pelanggan yang layak. Dana ini meningkatkan kecairan perdagangan dan boleh digunakan sebagai margin, tetapi tidak boleh dikeluarkan.

Semua pelanggan dan partner FBS (**Introducing Brokers**, "IB") tertakluk pada peruntukan-peruntukan umum dan perjanjian yang digariskan dalam dokumen guaman rasmi FBS, yang boleh didapati di: <https://fbs.com/legal-documents>.

Dengan menyertai Program Bonus, pelanggan **mengesahkan** bahawa mereka telah **membaca, memahami, dan menerima sepenuhnya Terma & Syarat ini**. Penyertaan dalam program ini adalah secara sukarela, dan FBS berhak untuk mengubah suai atau menamatkan program pada bila-bila masa tanpa memberikan notis terlebih dahulu.

Garis Masa Promo

- Tarikh Dan Masa Mula Promo: 14.07.25, 09:00 UTC.

Semua tarikh dan masa yang dinyatakan dalam dan berkaitan dengan Promo ini dalam mana-mana dokumen, sumber dan komunikasi adalah dalam **zon masa UTC melainkan dinyatakan sebaliknya**.

2. Terminologi

Bagi maksud Terma dan Syarat ini, takrifan berikut akan terpakai:

- **Bonus Deposit (Bonus)** – Dana yang tidak boleh dikeluarkan yang diberikan sebagai sebahagian daripada Program Bonus. Dana ini boleh digunakan untuk tujuan perdagangan, tetapi tidak boleh dikeluarkan dalam apa jua keadaan.
- **Ekuiti** – Jumlah nilai dana dalam akaun perdagangan, termasuk baki, keuntungan/kerugian yang belum direalisasi daripada posisi-posisi aktif, dan Kredit Bonus.
- **Margin** – Sebahagian dana yang dikhaskan untuk mengekalkan posisi perdagangan yang aktif (open trading position).
- **Margin Bebas** – Sejumlah dana yang tersedia dalam akaun yang tidak digunakan untuk mengekalkan posisi aktif dan boleh digunakan untuk membuka urusniaga perdagangan baru.
- **Tahap Margin** – Suatu nilai berbentuk peratusan yang menunjukkan kestabilan kewangan akaun, dikira seperti berikut: $Tahap Margin = (Ekuiti / Margin) \times 100\%$
- **Stop Out** – Situasi bilamana posisi perdagangan ditutup secara paksa disebabkan oleh Tahap Margin yang jatuh di bawah ambang minimum yang ditetapkan oleh FBS.

3. Syarat Umum Bonus

Bonus Deposit FBS diberikan secara automatik **kepada semua pelanggan yang layak** yang mendepositkan dana mereka **dalam tempoh promosi**. Tiada tindakan lain diperlukan untuk mengaktifkan bonus. Jika pelanggan ingin menolak bonus, mereka boleh berbuat demikian dengan menghubungi pasukan khidmat pelanggan FBS.

Bonus diberikan secara eksklusif untuk tujuan perdagangan. Ia bukan dana baki, tidak boleh dikeluarkan dalam apa jua keadaan, dan hanya digunakan untuk meningkatkan kecairan perdagangan dan ketersediaan margin. Keuntungan yang diperoleh daripada perdagangan dengan dana bonus boleh dikeluarkan. Bonus boleh dipindahkan antara akaun perdagangan apabila membuat pemindahan dana dalaman.

Bonus ini tersedia untuk **semua akaun perdagangan FBS**, termasuk akaun Standard dan Cent.

Amaun maksimum bonus:

- **Bonus maksimum per deposit: \$10,000.**
- **Had total bonus** merentasi semua akaun pelanggan: **\$25,000**. Had ini boleh dicapai lebih daripada sekali.

Deposit pertama yang dibuat selepas pelancaran Program Bonus ini layak mendapat bonus 100%. Deposit-deposit seterusnya boleh menerima bonus mengikut syarat dalam Seksyen 5 Terma dan Syarat ini.

Bonus tidak boleh dipulihkan jika dibatalkan atau telah luput; walau bagaimanapun, ia boleh diterima lagi jika anda masih belum melampaui had total.

Bonus tidak diberikan kepada akaun yang telah ditutup atau diarkibkan sebelum pengaktifan bonus.

FBS berhak untuk menolak daripada memberikan bonus kepada mana-mana pelanggan mengikut budi bicara mutlaknya tanpa memberikan sebab.

4. Peraturan Penggunaan Dan Tempoh Luput Bonus

Bonus Deposit FBS berfungsi sebagai kecairan tambahan untuk perdagangan tetapi tidak mewakili dana sebenar dan tidak boleh dikeluarkan.

Apabila melaksanakan urusniaga perdagangan, sistem mula-mula menggunakan baki pelanggan sendiri, dan hanya selepas itu, dana bonus digunakan.

Pelanggan bebas untuk mengeluarkan deposit mereka dan sebarang keuntungan yang dijana pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, bonus itu sendiri kekal aktif dan hanya boleh digunakan untuk tujuan perdagangan. Jika pelanggan mengeluarkan dana, bonus akan ditolak dalam jumlah yang setara dengan dana yang dikeluarkan. Jika pengeluaran melebihi baki bonus yang tinggal, bonus akan dikeluarkan sepenuhnya.

Bonus akan luput dan dikeluarkan sepenuhnya daripada akaun jika:

- Pelanggan kehilangan semua dana beliau kerana kerugian, bermakna jumlah ekuiti akaun (baki + keuntungan/kerugian terapung + bonus) menyusut sehingga bersamaan

atau kurang daripada jumlah bonus. Dalam kes ini, akaun tidak lagi mempunyai dana sebenar untuk menyokong perdagangan.

- Akaun perdagangan diarkibkan atau ditutup atas sebarang sebab.
- Bonus ini telah digunakan sepenuhnya dalam perdagangan, bermakna kesannya terhadap margin telah habis.
- Bonus akan luput secara automatik 28 hari setelah deposit atau aktiviti perdagangan terakhir, secara spesifiknya membuka posisi baharu.

Jika deposit ditarik balik (chargeback atau rollback), bonus yang sepadan akan dibatalkan sepenuhnya.

Pengeluaran tidak membatalkan bonus secara langsung; walau bagaimanapun, jika pengeluaran menyebabkan ekuiti jatuh menjadi kurang daripada jumlah bonus, bonus akan dihapuskan.

5. Jumlah Bonus Untuk Deposit Seterusnya

Pelanggan boleh menerima bonus bagi deposit-deposit berikutnya selepas deposit pertama mereka. Peratusan bonus bergantung pada jumlah deposit. Semakin besar deposit, semakin tinggi peratusan bonus, tetapi jumlah bonus tidak boleh melebihi \$10,000 bagi setiap deposit.

Jadual berikut menggariskan peratusan bonus untuk deposit tambahan:

Jumlah Deposit (\$)	Peratusan Bonus (%)
\$100 – \$250	10%
\$250 – \$500	20%
\$500 – \$1,000	30%
\$1,000 – \$2,500	40%
\$2,500 – \$5,000	50%
\$5,000+	60%

Untuk akaun dalam mata wang selain daripada USD (cth., EUR, JPY), amaun deposit ditukar kepada USD berdasarkan kadar pertukaran pada masa deposit.

Jumlah total Kredit Bonus dalam semua akaun **terhad setakat \$25,000**, termasuk bonus deposit pertama dan seterusnya. Had ini boleh dicapai lebih daripada sekali.

6. Pencegahan Fraud, Sekatan Penyalahgunaan, dan Kehilangan Kelayakan

6.1 Hak untuk Mengubahsuai atau Menamatkan Program Bonus

FBS berhak untuk mengubah suai, menggantung, atau menamatkan Program Bonus pada bila-bila masa, berdasarkan budi bicara mutlaknya, tanpa perlu memberikan notis terlebih dahulu.

Sebarang perubahan syarat bonus, syarat kelayakan, atau peruntukan lain akan dikemas kini dalam Terma dan Syarat ini. Pelanggan mengakui dengan meneruskan penyertaan dalam Program Bonus selepas sebarang pengubahsuaian, mereka dianggap menerima Terma dan Syarat yang telah dikemas kini.

6.2. Pelucutan Kelayakan Peserta

FBS berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana pelanggan daripada menyertai Program Bonus tanpa memberikan notis atau penjelasan terlebih dahulu jika Syarikat, mengikut budi bicara mutlaknya, menentukan bahawa:

- Pelanggan telah melanggar Terma dan Syarat ini atau mana-mana dasar FBS lain yang berkenaan.
- Pelanggan terlibat dalam aktiviti fraudulen, memperdaya, atau tidak beretika, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - Membuka banyak akaun untuk menerima banyak bonus.
 - Memanipulasi atau meningkatkan volum urusniaga perdagangan secara artifisial untuk mendapatkan kelebihan yang tidak adil.
 - Terlibat dalam perdagangan arbitraj atau manipulasi pasaran menggunakan bonus.
 - Menyalahgunakan sistem bonus dengan melaksanakan urusniaga perdagangan yang tidak mencerminkan risiko pasaran sebenar.
 - Terlibat dalam sebarang aktiviti yang melanggar dasar risiko dan pematuhan FBS.
- Tindakan pelanggan merosakkan reputasi FBS, pekerja, atau pelanggan lain.

FBS berhak untuk membatalkan bonus, membatalkan hak istimewa perdagangan, dan membatalkan kelayakan pelanggan jika sebarang aktiviti penipuan, penyalahgunaan, atau pelanggaran Terma dan Syarat ini dikesan.

Jika disyaki terdapat kes fraud, FBS boleh menjalankan siasatan dalaman dan mengambil tindakan yang sewajarnya, termasuk:

- Menghapuskan bonus.
- Menyekat penyertaan dalam promosi pada masa hadapan.
- Menggantung akaun secara sementara atau kekal.

FBS tidak diwajibkan untuk memberikan sebab untuk pelucutan kelayakan, tetapi boleh berbuat demikian mengikut budi bicaranya jika pelanggan yang hilang kelayakan menghubungi **support@fbs.com** untuk mendapatkan penjelasan.

Semua keputusan yang dibuat oleh FBS mengenai pengubahsuaian dan pembatalan adalah **muktamad dan tidak boleh dirunding**.

7. Peruntukan Akhir

Pelanggan bertanggungjawab sepenuhnya untuk mematuhi sebarang kewajipan cukai yang berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Program Bonus, seperti yang dikehendaki oleh undang-undang negara tempat mereka tinggal.

Untuk sebarang pertanyaan atau penjelasan mengenai Program Bonus, pelanggan boleh menghubungi FBS melalui saluran rasmi berikut:

- Emel: support@fbs.com
- Live chat di: fbs.com